

13 APR 1997

Mahathir-GP

MAHATHIR RASMI GP MALAYSIA '97

SHAH ALAM, 13 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad merasmikan Grand Prix Malaysia '97 di Litar Shah Alam di sini hari ini.

Beliau menekan butang di kotak pegawai bagi menandakan perasmian pusingan pertama kejohanan dunia itu.

Sebelum itu, Dr Mahathir dibawa ke kotak pegawai dengan iringan lagu oleh pancaragam beg paip Polis Diraja Malaysia.

Beliau diiringi pengerusi Malaysia Airports Berhad Tan Sri Basir Ismail, pengarah urusan Malaysia Airports Datuk Khairuddin Ibrahim dan pengerusi Persatuan Automobil Malaysia Tunku Muzaffar Tunku Mustapha.

Persembahan pancaragam Malaysia Airports, penari pom-pom, pancaragam Polis dan ching gay menyerikan majlis pelancaran itu.

Perdana Menteri seterusnya menyaksikan perlumbaan kategori 125 cc dari pentas Perdana.

Yang turut hadir Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, Menteri Belia dan Sukan Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Menteri Besar Selangor Tan Sri Muhammad Haji Muhammad Taib.

Malaysia Airports dan Persatuan Automobil Malaysia ialah penaja bersama GP Malaysia.

-- BERNAMA

JM AZZ AHH